

14 OCT 2003

Mahathir-veteran/I

DR MAHATHIR NASIHAT AHLI POLITIK VETERAN BN BERUNDUR

PUTRAJAYA, 14 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan ahli-ahli politik veteran dalam Barisan Nasional supaya berundur dan memberi laluan kepada muka-muka baru.

Perdana Menteri berkata mereka perlu memberi peluang kepada muka-muka baru dan juga perlu membantu berkempen bagi menjamin kemenangan calon-calon baru ini dalam pilihan raya umum akan datang.

Dalam satu temu bual dengan Bernama di sini hari ini, Dr Mahathir berkata bahawa sebelum ini beliau merasa "malu untuk memberitahu mereka bahawa masanya sudah tiba bagi mereka untuk berundur."

"Mereka boleh kata balik kepada saya 'bagaimana dengan Datuk Seri sendiri'. Oleh kerana saya sekarang akan bersara, saya boleh beritahu mereka 'awak hanya boleh berkhidmat untuk satu tempoh masa saja. Awak tak boleh kekal selama-lamanya, awak tak boleh nak pegang jawatan sampai mati."

Perdana Menteri berkata penyandang-penyandang yang sudah lama berkhidmat ini perlu ingat bahawa mereka memegang jawatan masing-masing itu disebabkan orang lain menyokong mereka dan mengekalkan mereka di situ pada setiap pilihan raya.

Kini adalah giliran muka baru manakala tokoh-tokoh lama harus memberi laluan dan membantu calon baru menang dalam pilihan raya, katanya.

"Itulah yang saya fikir kita harus lakukan. Itulah yang saya akan buat. Saya perlu membantu dalam pilihan raya walaupun saya bukan seorang calon," kata Perdana Menteri.

Ketika ditanya mengenai beberapa pemimpin Barisan Nasional yang telah berkhidmat sehingga ada yang lebih lama daripada beliau, Dr Mahathir berkata: "Terpulanglah kepada mereka. Saya berpendapat bahawa selepas satu tempoh, kita tidak dapat kekal, kita tidak lagi bermaya. Dan saya fikir kudrat kita tidak sebaik generasi muda."

Dr Mahathir berkata beliau mendapat manfaat daripada Allahyarham Tun Hussein Onn yang meletak jawatan dan memberi laluan kepada beliau untuk menjadi Perdana Menteri pada 1981.

"Saya tidak memaksa beliau berundur, beliau sendiri meletak jawatan. Jika beliau tidak meletak jawatan, maka saya tidak berpeluang berbuat apa-apa.

"Maka, sekalipun kita melakukan sesuatu dengan baik, kita kena terima hakikat bahawa ada orang lain mungkin melakukan yang lebih baik daripada kita," katanya.

Dr Mahathir, 78, mengejutkan negara pada Jun tahun lepas apabila mengumumkan keputusannya untuk berundur ketika di kemuncak popularitinya. Beliau berada dalam kerajaan selama 29 tahun sejak dilantik Menteri Pendidikan pada 1974 dan menjadi Perdana Menteri pada 1981.

-- BERNAMA

KH JH SHY MAI